

RANCANGAN MALAYSIA KE-8 (2001 – 2005)

Krisis kewangan yang dihadapi pada masa itu memberi petunjuk yang jelas betapa perlunya negara mempunyai daya tahan ekonomi dan sosial. Krisis tersebut juga memberi peringatan bahawa untuk mencapai kejayaan pada masa hadapan, negara tidak lagi boleh bergantung kepada formula dan pendekatan yang dilaksanakan pada masa lepas. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8), negara menghadapi cabaran yang lebih besar kesan daripada globalisasi dan liberalisasi serta pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat. Kerajaan perlu mempertingkatkan daya saing dan memperkukuhkan daya tahan ekonomi serta mempercepatkan pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Pelaksanaan strategi pembangunan wilayah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) seperti mempelbagaikan asas ekonomi dan menyediakan kemudahan moden telah merangsang pertumbuhan ekonomi di semua negeri. Pertumbuhan ini telah meningkatkan pendapatan, taraf dan kualiti hidup serta mengurangkan jurang perbezaan ekonomi antara wilayah. Di samping itu, peningkatan peluang pekerjaan dan aktiviti yang menjana pendapatan telah merapatkan jurang pendapatan antara negeri kurang maju dengan lebih maju. Kejayaan ini mencerminkan keberkesanan strategi bagi mencapai objektif pembangunan seimbang.

Sektor Pembinaan

Sektor pembinaan yang berkembang pada kadar 13.4 peratus setahun dalam tempoh 1996-97 telah mengalami penguncupan dalam tempoh 1998-2000. Keadaan ini telah menyebabkan sektor pembinaan menguncup sebanyak 1.1 peratus setahun dalam tempoh Rancangan. Bagi negeri lebih maju, sektor pembinaan menguncup sebanyak 1.4 peratus kesan penangguhan projek infrastruktur utama serta projek kediaman dan komersil. Di negeri kurang maju pula, sektor pembinaan mengalami penguncupan 0.6 peratus setahun. Walau bagaimanapun, tiga buah negeri mencatat pertumbuhan yang positif iaitu Pahang sebanyak 2.0 peratus, Sabah 0.4 peratus dan Terengganu 0.2 peratus.

RANCANGAN MALAYSIA KE-8 (2001 – 2005)

Program Pembangunan dan Implikasi Sosio Ekonomi Setempat

Jika dirujuk semula pada RMK-7, tidak menghairankan apabila Syarikat meneruskan rancangan pembangunan di Kota Kinabatangan pada RMK-8. Walaupun begitu, pembangunan yang dilaksanakan dalam tempoh tersebut banyak bertumpu di daerah sekitar Keningau. Pekan Sook yang terletak kira-kira 50km ataupun 30 minit jarak perjalanan daripada Pekan Keningau menunjukkan ciri-ciri yang sama dengan Kota Kinabatangan di mana pembinaan rumah kedai sosio-ekonomi begitu dinanti-nantikan oleh penduduk setempat.

Sebagai permulaan, hanya 8 unit kedai dibina bersebelahan jalan raya yang menghubungkan Pekan Keningau melalui Sook, Nabawan, Kalabakan sehingga ke bandar Tawau. Seperti yang diduga, permintaan kedai yang melebihi bekalan sedia ada meyakinkan Syarikat untuk meneruskan pembangunan 8 unit x 2 tingkat lagi rumah kedai di kawasan tersebut.

Dua fasa telah dibangunkan dan Syarikat masih lagi menerima permintaan daripada penduduk setempat. Atas justifikasi demikian, Syarikat telah memajukan permohonan untuk mendapatkan peruntukan Kerajaan bagi meneruskan pembangunan fasa III di pekan tersebut dalam Rancangan Malaysia yang seterusnya.



***Pekan Baru Sook, Keningau
Fasa I (gambar kiri) & Fasa III***

**RANCANGAN MALAYSIA KE-8
(2001 – 2005)**

No.	Tanda Peta	Projek	Unit
1	●	Kawang	4 x 1½
2	●	Kota Kinabatangan (fasa III)	6 x 2
3	●	Pitas	10 x 2
4	●	Telupid	8 x 2
5	●	Sook, Keningau	16 x 2
6	●	Kemabong, Tenom	6 x 1½
7	●	Nabawan	4 x 1

